

PENDAPATAN PENGGAJIAN INDIVIDU

2017



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

www.hasil.gov.my

PENDAPATAN PENGGAJIAN YANG DIKENAKAN CUKAI

- Gaji, upah, bonus, yuran pengarah, komisen, elaun, perkuisit, ganjaran, bayaran lebih masa, tip, pampasan, Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP), cukai ditanggung majikan dan lain-lain (tunai atau sesuatu yang boleh ditukar kepada tunai)
- Manfaat Berupa Barang dari majikan (kereta, telefon bimbit, pemandu, orang gaji dan lain-lain)
- Kediaman yang disediakan oleh majikan (Nilai Tempat Kediaman)
- Caruman oleh majikan untuk pekerja ke tabung penceh atau kewangan yang tidak diluluskan
- Pampasan kerana kehilangan pekerjaan

TANGGUNGJAWAB PEKERJA

- Isi dan hantar Borang e-BE melalui [e-Filing](#)
- Tidak perlu hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan jika memilih PCB sebagai Cukai Muktamad (maklumat lanjut boleh diperolehi di www.hasil.gov.my)

PERHATIAN

Simpan Penyata Saran daripada majikan (EA / EC / lain-lain) dan resit-resit tuntutan pelepasan selama 7 tahun

Tarikh akhir menghantar Borang BE dan membayar baki cukai kena bayar (jika ada): **30 April setiap tahun**

KESALAHAN JENAYAH	KESALAHAN SIVIL
Kegagalan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) di Borang Nyata Cukai Pendapatan	Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan: 30 April setiap tahun

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB)

- Bayaran ansuran pendahuluan yang ditolak secara bulanan daripada saraan pekerja
- Bertujuan meringankan beban pekerja daripada membayar cukai secara sekaligus
- Dikira berdasarkan Kaedah Pengiraan Berkomputer ([Kalkulator PCB](#) / [e-PCB](#) / [e-Data PCB](#)) atau Jadual PCB
- Lengkapkan Borang TP1 / TP3 bagi memastikan majikan membuat PCB yang betul
- Saraan bulanan minimum layak PCB (selepas tolak KWSP):
 - Individu Bujang = **RM2,851**
 - Individu Berkahwin dan Pasangan Tidak Bekerja = **RM3,851**

SARAAN PEKERJA YANG TERTAKLUK KEPADA PCB (SEMUA JENIS PENDAPATAN PENGGAJIAN)

- ① GAJI
- ② BAYARAN LEBIH MASA
- ③ TIP
- ④ BONUS / INSENTIF
- ⑤ PERKUISIT
- ⑥ CUKAI DITANGGUNG MAJIKAN
- ⑦ SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (SOSP)
- ⑧ UPAH
- ⑨ KOMISEN
- ⑩ ELAUN
- ⑪ YURAN PENGARAH
- ⑫ PAMPASAN
- ⑬ GANJARAN
- ⑭ MANFAAT BERUPA BARANGAN (MBB)
- ⑮ NILAI TEMPAT KEDIAMAN (NTK)
- ⑯ SARAAN LAIN